

Pameran produk ciptaan UPM

KUALA LUMPUR 15 Julai - Sebanyak 350 produk reka cipta, penyelidikan dan inovasi akan dipamerkan kepada orang ramai sempena Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi (PRPI) 2012 di Universiti Putra Malaysia (UPM)

selama tiga hari bermula Selasa ini.

Timbalan Naib



Canselor Penyelidikan dan Inovasi UPM, Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd. Saleh Jaafar (**gambar**) berkata, pameran tersebut antara lain bertujuan mengkomersialkan teknologi UPM.

“Pameran itu akan meliputi bidang pertanian, makanan, perhutanan dan alam sekitar, kesihatan, sains, teknologi dan kejuruteraan serta sains sosial.

“Selain mahu mencari peluang untuk tujuan komersial, pameran ini juga akan menyaksikan pelancaran beberapa mesin memproses makanan untuk industri kecil dan sederhana antaranya Eazy Cooker, Coconut Auto Squeezer, Pineapple Multi Plus dan mesin kiub Nata De Coco,” katanya dalam kenyataan akhbar hari ini.

Menurutnya, PRPI 2012 yang bertemakan Inovasi ke Arah Penciptaan Kekayaan dan Kesejahteraan Masyarakat akan turut menganjurkan pertandingan reka cipta penyelidikan kepada pelajar sekolah menengah.